

PM korban tujuh ekor lembu

UM 16 MAR 2000

ALOR SETAR 15 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini menyerahkan tujuh ekor lembu di tujuh tempat berasingan untuk dikorbankan sempena Hari Raya Aidiladha esok.

Daripada jumlah itu, tiga daripadanya diserahkan sendiri oleh Dr. Mahathir kepada penduduk tempatan di tiga buah kawasan di sekitar Kubang Pasu iaitu di kediamannya di Titi Gajah, Taman Mahsuri di Bandar Darulaman dan Masjid Kampung Lembah Palas, Changlun.

Baki empat ekor lembu lagi diserahkan kepada penduduk tempatan melalui wakil-wakilnya di Kampung Padang Li-

mau, Pendang; Taman Seri Kemuning dan Kampung Kubu, Jitra dan Tanjung Genting, Sintok.

Sementara itu isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menyampaikan bantuan bernilai RM11,500 kepada 200 orang golongan kurang bernasib baik di pekarangan Hospital Jitra petang ini sempena Hari Raya Aidiladha.

Bantuan

Bantuan tersebut berupa duit raya dan kerusi roda kepada beberapa orang cacat anggota.

Dr. Siti Hasmah juga menyampaikan 52 bungkusan hamper kepada para pesakit ketika me-

lawat hospital berkenaan.

Perdana Menteri dan isteri tiba berasingan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim (LTSAH), Kepala Batas untuk merayakan Hari Raya Aidiladha di negeri ini.

Dr. Mahathir tiba di LTSAH kira-kira pukul 4.10 petang manakala Dr. Siti Hasmah tiba pada pukul 9 pagi ini.

Ketibaan Dr. Mahathir disambut oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, anggota Exco kerajaan negeri, para pegawai kanan kerajaan, para pemimpin UMNO dan Barisan Nasional dan pemimpin masyarakat.

Dr. Mahathir dijadual-

kan bersembahyang Hari Raya di Masjid Al-Ghufran, Akar Peluru di sini pada pukul 8.30 pagi sebelum menghadap Sultan Kedah di Istana Anak Bukit di sini esok.

Majlis

Sejurus selepas itu, Perdana Menteri dan isteri mengadakan rumah terbuka di Dewan Jitra, Jitra pada pukul 10.30 pagi hingga 4 petang.

Pada hari raya kedua, Dr. Mahathir dijadualkan menghadiri majlis Hari Raya bersama penduduk Kampung Paya Sena, Pendang dan menunaikan sembahyang Jumaat di kampung itu sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.